

PENJELASAN ISU “CROSS REFERRAL” BAGI CAJ RAWATAN PERGIGIAN

BIL	SITUASI	DARI	KEPADA	CAJ PENDAFTARAN	RUJUKAN
1.	Kes rujukan dari Klinik Pergigian A ke Klinik Pergigian B untuk siasatan lanjut/imaging dan lain-lain (Contoh: mesin x-ray PA di Klinik Pergigian A rosak/ tiada perkhidmatan disediakan)	KP A (Unit Primer)	KP B (Unit Primer)	Pesakit tidak dikenakan caj pendaftaran dengan syarat pesakit mengemukakan resit bayaran pendaftaran/ borang permohonan ujian/siasatan dari klinik yang merujuk pesakit. Walau bagaimanapun, sekiranya pesakit dari KP A datang ke KP B pada hari yang berlainan, maka caj pendaftaran akan dikenakan di KP B.	Garis Panduan Penyelarasan Kutipan Caj Pendaftaran Dan Perkhidmatan di fasiliti Kesihatan Primer KKM Bagi Warganegara bertarikh 3 Disember 2019
2.	Kes rujukan dari Klinik Pergigian A ke Klinik Pergigian B untuk perkhidmatan KEPP (Klinik Endodontik Pergigian Primer)	KP A (Unit Primer)	KP B (Unit Primer-KEPP)	Caj pesakit luar dikenakan di KP B.	
3.	Kes rujukan dari Klinik Pergigian A (Pakar Ortodontik) ke Klinik Pergigian B (Primer) untuk cabutan 4 batang gigi di mana cabutan gigi adalah sebahagian dari pelan rawatan pakar ortodontik Klinik Pergigian A dan Klinik Pergigian B bukan fasiliti yang sama.	KP A (Klinik Pakar)	KP B (Unit Primer)	Caj pesakit luar dikenakan di KP B.	

PENJELASAN ISU “CROSS REFERRAL” BAGI CAJ RAWATAN PERGIGIAN

BIL	SITUASI	DARI	KEPADA	CAJ PENDAFTARAN	RUJUKAN
4.	Kes rujukan pesakit dari Pakar Pergigian Ortodontik ke perkhidmatan primer Klinik Pergigian A untuk cabutan 4 batang gigi di mana cabutan gigi adalah sebahagian dari pelan rawatan pakar ortodontik Unit Pakar Ortodontik di dalam fasiliti yang sama dengan Unit Primer tetapi menggunakan buku pendaftaran yang berlainan.	KP A (Pakar)	KP A (Primer)	Caj pesakit Luar dikenakan di unit primer.	
5.	Kes rujukan pesakit dari perkhidmatan Pakar Pergigian Ortodontik ke perkhidmatan primer Klinik Pergigian B untuk cabutan 4 batang gigi di mana cabutan gigi adalah sebahagian dari pelan rawatan pakar ortodontik Unit Pakar Ortodontik berada di dalam bangunan yang sama dengan Unit Primer dan menggunakan buku /sistem pendaftaran yang sama (Contoh : TPC- OHCIS)	KP B (Pakar)	KP B (Primer)	Caj pesakit Luar dikenakan di unit primer.	